



Dari Pagoh ke Putrajaya

PADA 1 Mac lalu tercatat sejarah baharu dalam sistem pentadbiran dan kepimpinan negara apabila

Tan Sri Muhyiddin Yassin diperkenankan oleh Yang Di-Pertuan Agong menjadi Perdana Menteri Malaysia yang kelapan. Siapakah Muhyiddin Yassin dan bagaimanakah beliau dilantik sebagai Perdana Menteri kelapan?

Muhyiddin lahir pada 15 Mei 1947. Selepas menamatkan pengajian dalam bidang Ekonomi dan Pengajian Melayu di Universiti Malaya pada tahun 1970, beliau dilantik sebagai Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Johor. Antara tahun 1974 hingga tahun 1978, Muhyiddin menyertai dunia korporat dan menjawat beberapa jawatan dalam bidang tersebut.

Dunia politik Muhyiddin ada pasang surutnya. Beliau pernah dipecat daripada parti dan digugurkan daripada jawatan kerajaan; bangkit semula dalam acuan yang berbeza yakni Pakatan Harapan (PH) bersama-sama Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Amanah sehingga mencatat sejarah menjatuhkan Kerajaan Barisan Nasional (BN), pada Mei 2018. Kini, beliau menjadi Perdana Menteri kelapan di bawah ikatan besar yang dinamakan sebagai Perikatan Nasional (PN) bersama-sama Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), BN dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) serta Gabungan Parti Sarawak (GPS) yang mesra PN.

Dalam kerjaya politiknya, beliau mula menjadi wakil rakyat di kawasan Parlimen Pagoh pada tahun 1978; Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri pada tahun 1981 dan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan pada tahun 1982. Beliau juga pernah memegang beberapa portfolio penting di beberapa buah kementerian termasuk sebagai Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian pada tahun 1983, sebelum menjadi Menteri Besar Johor pada tahun 1986. Pada tahun 1995, beliau dilantik sebagai Menteri Belia dan Sukan; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada tahun 1999; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani pada 2004; dan Menteri Pelajaran Malaysia serta Timbalan Perdana Menteri mulai 9 April 2009.

Karier yang membangun sehingga menjadi orang nombor dua dalam negara terbantut apabila pada Jun 2016, Muhyiddin digantung jawatan Timbalan Presiden UMNO dan seterusnya dipecat daripada parti tersebut. Hal ini menyebabkan beliau mencari platform baharu untuk meneruskan perjalanannya politik beliau dengan menjadi antara pengasas parti BERSATU dan dilantik sebagai Presiden parti tersebut pada September 2016 yang disusuli dengan jawatan Timbalan Presiden dalam struktur Majlis Presiden PH yang memenangi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU ke-14) pada Mei 2018. Muhyiddin dilantik sebagai Menteri Dalam Negeri di bawah Kabinet Perdana Menteri Malaysia ketujuh, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Selepas 22 bulan di bawah Kerajaan PH, parti tersebut tumbang apabila BERSATU membuat keputusan keluar daripada gabungan besar tersebut. Hal ini susulan

daripada mesyuarat Majlis Presiden PH pada 21 Februari 2020.

2020 yang mendesak Tun Dr. Mahathir memuktamadkan tarikh yang tepat berhubung dengan transisi peralihan kuasa kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Barangkali, hal ini menjadi pencetus untuk menyegerakan gerakan dengan beberapa buah parti termasuk BERSATU, UMNO, PAS, PKR (kem Datuk Seri Azmin Ali), Parti Bersatu Sabah (PBS) dan GPS yang mengadakan mesyuarat pada 23 Februari 2020 untuk memperincikan komitmen mereka terhadap gerakan yang dikenali sebagai “langkah Sheraton” bersempena majlis makan malam di Hotel Sheraton, Petaling Jaya, yang merupakan kemuncak kepada penjarangan politik baharu ini.

Walaupun ada yang menyatakan bahawa Tun Dr. Mahathir mahu menangguhkan pendirian membuat keputusan keluar PH, tetapi pada akhirnya Tun Dr. Mahathir juga melepaskan jawatan Pengerusi BERSATU pada hari berikutnya.

Keretakan kepercayaan dalam kalangan anggota gabungan besar PH dilihat antara punca kepada robohnya PH. Keluarnya 11 orang ahli parlimen daripada pasukan Azmin telah menghancurkan kedudukan PH untuk terus kekal berkuasa.

Pada 24 Februari lalu, pada akhirnya pemerintahan kerajaan PH sampai ke penghujungnya. Perdana Menteri melepaskan jawatan kerana hilang majoriti di parlimen. Bermula pada pukul 1.00 tengah hari hingga pukul 6.00 petang pada hari yang sama, Malaysia tidak mempunyai Perdana Menteri ataupun kabinet sehingga Yang Di-Pertuan Agung (YDPA) melantik Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri Interim. Hal ini juga mencatat sejarah baharu – Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri keempat yang paling lama mentadbir negara bermula dari tahun 1981-2003 dan juga yang paling pendek tempohnya, iaitu bermula pada

tahun 2018-2020 sebagai Perdana Menteri ketujuh.

Institusi Raja-raja Melayu telah memainkan peranan yang amat besar dalam proses pemilihan Perdana Menteri kelapan. Setiap ahli parlimen dijemput ke istana untuk menyatakan sokongan mereka ke atas Tun Dr. Mahathir atau akan berlakunya pembubaran parlimen. Pada akhirnya, keputusan menunjukkan bahawa tidak ada majoriti yang ketara sehingga nama calon Perdana Menteri baharu diminta oleh pihak Istana. Nama Muhyiddin muncul ketika keputusan ini diketahui umum dan beliau juga mendapat sokongan majoriti dalam parti. Walaupun bagi Tun Dr. Mahathir, parlimen wajar dijadikan ruang untuk melihat sokongan ahlinya, pada akhirnya BERSATU memilih Muhyiddin dan bukannya Tun Dr. Mahathir.

Keputusan Tun Dr. Mahathir yang pada awalnya menjangkakan akan menjadi calon Perdana Menteri daripada parti BERSATU menyebabkan PH mencalonkan Anwar sebagai calon Perdana Menteri mereka. Namun begitu, disebabkan ramai yang mengetahui bahawa beliau tidak memiliki majoriti, maka Anwar bersedia memberikan laluan kepada Tun Dr. Mahathir untuk kembali menjadi calon Perdana Menteri mereka. Rundingan di belakang tabir dan percaturan elit politik jelas walaupun hal itu mencalarakan reputasi dan kredibiliti kepimpinan.

Dalam hal ini, ternyata YDPA berusaha menyelamatkan negara dengan mencari jalan penyelesaian terbaik mengikut kearifan dan kebijaksanaan baginda yang turut menjadi sejarah dalam lipatan tawarikh tanah air. Begitu pun, Surat Akuan Bersumpah seolah-olah tiada nilainya kerana berubah mengikut konfigurasi politik masing-masing. Ada yang meninggalkan/melompat parti. Kerakusan kuasa dan pangkat, serta kedudukan menjadi pertikaman

dalam atas nama merakyatkan kepimpinan wajar disemak semula kerana dalam hal ini sebenarnya apa-apa yang rakyat mahukan ialah integriti dalam politik.

Banyak pihak yang berpandangan bahawa hal ini akan berterusan kerana ada pihak berasakan bahawa proses demokrasi dicalarkan dan pembentukan “kerajaan pintu belakang” dirancang walhal banyak pihak terlepas pandang bahawa Tun Dr. Mahathir boleh meminta untuk pembubaran parlimen ketika meletak jawatan selepas PH tumbang.

Muhyiddin sudah dilantik sebagai Perdana Menteri kelapan. Beliau sudah menyatakan bahawa: “Saya hanya tampil untuk menyelamatkan keadaan apabila kedua-dua orang calon Perdana Menteri tidak mendapat sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat”. Muhyiddin juga telah bertekad mahu mengetuai sebuah pentadbiran yang bebas rasuah, bersih dan berintegriti. Malahan, kos sara hidup, pendidikan dan kesihatan akan turut diberikan keutamaan.

“Saya ialah Perdana Menteri untuk semua rakyat Malaysia dari Perlis ke Sabah. Baik saudara orang Melayu, Cina, India, Sikh, Iban, Kadazan, Dusun, Murut, orang asal, atau apa-apa juga kaum dan etnik, saya ialah Perdana Menteri saudara. Sama ada saudara ialah petani, nelayan, peniaga, penjawat awam, atau pekerja swasta, saya ialah Perdana Menteri saudara”.

Dari Pagoh ke Putrajaya – sesungguhnya penuh dengan ranjau, onak dan duri. Sama-samalah kita lihat sama ada polemik konflik dan krisis kepimpinan ini akan berakhir dengan pemimpin politik dibenarkan untuk mengurus tadbir negara dengan baik, tersusun dan lancar atau kemelut ini akan berpanjangan sehingga PRU ke-15 akan datang. □

Penulis ialah Pensyarah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.